

# Qari Indonesia, qariah Brunei johan Tilawah al-Quran

NOV 2002  
KUALA LUMPUR 31 Okt. — Qari Indonesia, Bakri Baru dan qariah Brunei, Dayang Aminah Abdul Manaf muncul johan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-44 yang berakhir di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Dayang Aminah dan Bakri yang memperdengarkan bacaan mereka pada malam ketiga dan keempat tilawah masing-masing memperoleh 88 markah dan 85.67 markah.

Naib johan qari dan qariah pula disandang oleh peserta dari Malaysia, Abd. Ghani Hashim yang meraih 84.88 markah dan Umi Kalthum Mohd. Zin (86.83 markah).

Tempat ketiga qari dan qariah pula dimenangi oleh Masoud Enayati Moghaddam dari Iran dengan 84.75 markah dan Aisah I. Musa dari Filipina (85.25 markah).

Johan qari dan qariah masing-masing menerima piala pusingan, piala iringan, wang tunai RM15,200, cenderamata dan sijil penyertaan manakala naib johan pula mendapat RM-11,400, cenderamata dan sijil, manakala tempat ketiga menerima RM-7,600, cenderamata dan sijil.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail. Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat pada majlis penyampaian hadiah itu.

Hadir sama ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.